

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



JABATAN REKABENTUK BANDAR & BANGUNAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



Unit Inovasi & Piawaian Bangunan
8 April 2013

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1.0 PENDAHULUAN

Pembangunan yang pesat dan berterusan serta permintaan tinggi terhadap industri harta tanah di dalam Kuala Lumpur telah memaksa pemaju dan kontraktor untuk mengambil langkah-langkah drastik seperti berkerja lebih masa dan berterusan untuk menyiapkan sesuatu pembangunan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak berkuasa perlu menangani isu tersebut kerana aktiviti pembinaan tidak terkawal akan mengganggu penduduk dan persekitaran sekeliling secara amnya.

2.0 TUJUAN

2.1 Kertas ini disediakan untuk mengawal dan memberikan lebih masa kepada kontraktor dan pemaju bagi mempercepatkan pembinaan. Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat pada 28 Mac 2013 telah bersetuju dengan penilaian semula waktu kerja tapak bina seperti berikut:-

2.1.1 Waktu kerja biasa baru ditapak bina seperti berikut:-

Hari Isnin Hingga Hari Sabtu - 7:00 pagi hingga 7:00 malam
Hari Ahad dan Cuti Am - Tidak dibenarkan sebarang aktiviti

2.1.2 Kebenaran untuk bekerja di luar waktu biasa seperti berikut:-

Hari Isnin Hingga Hari Sabtu - 7.00 petang hingga 10.00 malam
Hari Ahad dan Cuti Am - Tidak dibenarkan sebarang aktiviti

dengan mengambil kira kriteria yang telah ditetapkan.

2.1.3 Kebenaran untuk menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan:-

Hari Isnin Hingga Hari Sabtu - Tempoh kerja berterusan
berdasarkan permohonan
Hari Ahad dan Cuti Am - Tidak dibenarkan sebarang aktiviti

dengan mengambil kira kriteria yang telah ditetapkan.

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

3.0 CADANGAN WAKTU KERJA BIASA BARU DI TAPAK BINA

3.1 Cadangan waktu kerja baru yang disyorkan adalah seperti berikut:-

Hari Isnin – Sabtu	-	7:00 pagi – 7:00 petang (12 jam)
Hari Ahad & Cuti Umum	-	Tidak benarkan sebarang aktiviti.

3.2 Dengan tempoh kerja baru diharap dapat mencapai dua perkara:-

3.2.1 Pihak kontraktor diberikan masa tambahan 2 jam sebagai menampung masa yang hilang dalam kesesakan lalulintas.

3.2.2 Aduan kacau ganggu dapat dikurangkan

3.3 Walau bagaimana pun pihak kontraktor perlu mematuhi semua syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh agensi :-

- i) Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- ii) Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
- iii) Undang-Undang Buruh Malaysia (Labour Law Malaysia)
- iv) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

4.0 CADANGAN KERJA-KERJA DI LUAR WAKTU BIASA

4.1 Cadangan kerja-kerja luar waktu biasa adalah seperti berikut:-

Permohonan Waktu Kerja Tambahan

Hari Isnin Hingga Hari Sabtu	-	7:00 petang – 10:00 malam (3 jam)
Hari Ahad dan Cuti Am	-	Tidak benarkan sebarang aktiviti.

Permohonan Kebenaran Menjalankan Kerja-Kerja Kritikal Secara Berterusan

Hari Isnin Hingga Hari Sabtu	-	Tempoh kerja berterusan berdasarkan permohonan
Hari Ahad dan Cuti Am	-	Tidak dibenarkan sebarang aktiviti

4.2 **Permohonan waktu kerja tambahan dari 7:00 petang hingga 10:00 malam pada hari biasa dan Permohonan kebenaran menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan** boleh dipertimbangkan dengan syarat pemaju atau kontraktor mematuhi kriteria yang ditentukan. Pemuatan kriteria yang disyorkan untuk permohonan kerja lebih masa adalah seperti berikut:-

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

4.2.1 Mengemukakan laporan kaedah pengurangan/pengawalan pencemaran bunyi bising dan getaran dari kerja-kerja pembinaan seperti:-

4.2.1.1 Menyediakan Pelan Pengurusan Kawalan Bunyi Bising (Noise Management Plan). Pelan tersebut perlu merangkumi:-

Cadangan Tindakan Pengawalan (Propose mitigation measure) seperti:-

- i) Jenis mesin dan peralatan yang digunakan
- ii) Penutupan kawasan kerja dengan bahan penyerap bunyi
- iii) Menghadang aktiviti bising dengan menggunakan penghadang bunyi bising boleh alih
- iv) Mendirikan penghadang bunyi bising sebelum kerja-kerja dimulakan
- v) Strategi Perhubungan Awam untuk menangani bunyi bising
- vi) Mengadakan kerjasama yang baik dengan komuniti setempat

4.2.1.2 Tahap bunyi bising yang dihasilkan hendaklah dalam lingkungan yang ditetapkan dalam jadual 6 garispanduan JAS bagi kawasan perumahan, komersial dan bercampur, Ringkasan Jadual 6 adalah seperti berikut dan Jadual asal di lampiran 2.

Max permissible sound levels

Receiving Land Use Category	Noise Parameter	Day Time 7am-7pm	Evening 7pm- 10pm	Night Time 10pm-7am
Residential	L ₉₀	60dBA	55dBA	No noisy construction work can take place
	L ₁₀	75dBA	70dBA	"
	L _{max}	90dBA	85dBA	"
Commercial	L ₉₀	65dBA	60dBA	Not Applicable(NA)
	L ₁₀	75dBA	70dBA	
Industrial	L ₉₀	70dBA	NA	NA
	L ₁₀	80dBA	NA	NA

4.2.1.3 Laporan mingguan hendak dikemukakan oleh orang yang kompeten. (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tapak Bina yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.)

4.2.2 Mengemukakan laporan kaedah pengurangan pencahayaan di tapak bina pada waktu malam

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

4.2.3 Mengemukakan persetujuan penduduk

4.2.3.1 Pihak pemaju hendaklah memperolehi persetujuan dari penduduk sekitar

4.2.4 Pemaju dikehendaki mengadakan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina (Construction Site Hotline)

4.2.4.1 Pusat ini bertujuan untuk menerima segala panggilan dan bertindak terhadap aduan yang dikemukakan daripada orang ramai terhadap suatu pembinaan agar penyelesaian masalah tapak bina dapat diatasi segera.

4.2.4.2 Perkara-perkara yang perlu disediakan oleh pemaju atau kontraktor untuk tujuan ini adalah seperti berikut:-

- i) Menyediakan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina yang dilengkap dengan kemudahan talian telefon yang boleh dihubungi 24 jam 7 hari seminggu
- ii) 2 talian telefon terdiri dari telefon tetap dan telefon bimbit.
- iii) Menyediakan kemudahan faksimili
- iv) Sekurang-kurangnya 2 orang pegawai pada sepanjang masa dan mempunyai kuasa mengambil tindakan di tapak bina
- v) Menyediakan papan pemberitahuan kepada orang awam di pintu masuk/keluar beserta nombor telefon Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina dan juga nombor talian 'Call Centre' DBKL sebagai pilihan jika aduan tidak dapat dibuat
- vi) Semua panggilan boleh direkodkan dengan menggunakan kemudahan internet.

4.2.5 Mengemukakan laporan cara pengawalan laluan kenderaan keluar/masuk tapak bina

4.2.6 Mengemukakan laporan cara pengawalan kebersihan di tapak bina

4.2.7 Pemaju dikehendaki mengemukakan jenis-jenis kerja yang ingin dijalankan dan program kerja secara keseluruhan beserta dengan program kerja di luar waktu biasa atau kerja kritikal secara berterusan.

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

5.0 PROSEDUR & PROSES

- 5.1 Bagi Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) yang ingin memohon berkerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan, mereka boleh memohon melalui kaunter Jabatan Rekabentuk Bandar & Bangunan (JRBB), Tingkat 29, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur.
- 5.2 Pemohon perlu mengisi borang Pemohonan Lanjutan Masa Berkerja dan kemukakan borang bersama Laporan Pelan Pengurusan Kawalan Bunyi Bising (Noise Management Plan) yang terdiri daripada:
 - Laporan kaedah pengurangan/pengawalan pencemaran bunyi bising dan getaran dari kerja-kerja pembinaan
 - Laporan kaedah pengurangan pencahayaan di tapak bina pada waktu malam
 - Surat persetujuan penduduk
 - Cadangan mengadakan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina (Construction Site Hotline)
 - Pelan pengawalan laluan kenderaan keluar/masuk tapak bina
 - Pelan pengawalan kebersihan di tapak bina
 - Program kerja
- 5.3 JRBB akan membentangkan permohonan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Permit Sementara, DBKL bagi menentukan pembangunan tersebut boleh melakukan kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan. Pemohon akan dimaklumkan berkenaan keputusan mesyuarat secara bertulis oleh JRBB. Pemohon yang berjaya diwajibkan untuk menandatangani surat Akujanji agar mereka mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 5.4 Surat kebenaran kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan adalah bersifat sementara dalam tempoh yang dibenarkan. Kerja-kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan tidak boleh dilakukan setelah tempoh kebenaran tamat. Pemohon perlu mengemukakan permohonan semula untuk pertimbangan.
- 5.5 Permohonan perlu dibuat 2 minggu sebelum kerja-kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan dijalankan.

WAKTU KERJA DI TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

6.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

6.1 Sekiranya pihak kontraktor atau pemaju melanggar:-

- i) Waktu kerja yang ditetapkan atau;
- ii) Menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan tanpa kebenaran;
- iii) Tahap bunyi bising melebihi yang ditetapkan dalam garispanduan JAS

6.2 Tindakan penguatkuasaan yang disyorkan adalah :-

- 8.2.1 Mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 70(13)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan memberhentikan kerja di tapak bina di bawah pengawasan JRBB.
- 8.2.2 Sekiranya kesalahan ini berulang melebihi 3 kali dalam tempoh 1 bulan, kertas perakuan akan disediakan dan dibawa ke Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Permit Sementara, DBKL untuk keputusan tindakan selanjutnya.